


Kosmo! SUARA KONTEMPORARI




Tangkap layar rakaman video yang tular di laman Twitter.

# Tular video individu 'mengamuk' di PPV

Oleh NUR HUDA MUSA 26 Mei 2021, 6:21 pm

PETALING JAYA – Media sosial petang ini kecoh dengan penyebaran rakaman video yang memaparkan seorang wanita 'mengamuk' di sebuah Pusat Pemberian Vaksin.

Video berdurasi 1 minit 27 saat yang dipercayai dirakam di PPV Pusat Pusat Konvensyen Sunway Pyramid itu memaparkan seorang wanita menyuarakan rasa tidak puas hatinya mengenai temu janji vaksinasi kepada Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menerusi klip video itu, kedengaran wanita tersebut tidak berpuas hati kerana proses penerimaan vaksin untuk orang tuanya yang merumitkan.

Bagaimanapun, Setiausaha Sulit Kanan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Hasbullah Hassin melalui Twitternya berkata, kejadian itu berlaku berpunca daripada kesilapan mendaftar nombor kad pengenalan.

"Untuk makluman, itu ialah temu janji untuk bapanya. Apabila disemak, ia berlaku kerana kesilapan nombor kad pengenalan. Khairy Jamaluddin mendengar aduannya dan selesaikan segera.

"Temu janji untuk bapa wanita itu dikembalikan semula selepas pihak kami membetulkan semula nombor kad pengenalan penerima tersebut," katanya. – K! ONLINE

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

## BERITA SELANJUTNYA

by



Nurani 'besi' Bella Hadid



Wanita cedera hampir…



Peniaga naik angin dilaran…

AD



Inilah Cara Menjana Wan…



Polis nafi dakwaan vid…



Mak teh bikin onar, Covid-…



Semak status Covid-19 di…



Tajuddin ditahan SPRM



Lebih 200 mangsa…







## POPULAR

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



**Peluang keemasan Kim Young-dae**

28 Mei 2021, 10:59 am




**Dah jumpa nenek, Seung-gi, Da-in, mahu kahwin**

28 Mei 2021, 10:55 am



**Lizzy mabuk, kemalangan jalan raya**

28 Mei 2021, 10:50 am



**Kata-kata semangat si kekasih buat Kwang-soo**

28 Mei 2021, 10:45 am




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

BERITA BERKAITAN






**Jawi umum ketetapan baharu solat Jumaat, fardu di Wilayah Persekutuan**

28 Mei 2021, 10:29 am



**Tajuddin ditahan SPRM**

28 Mei 2021, 10:19 am




Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

**Covid bawaan udara lebih bahaya**

28 Mei 2021, 9:15 am



**Lima negeri makin kritikal**

28 Mei 2021, 9:00 am




PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.